



**MENTERI KANAN  
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

**SEKTOR-SEKTOR EKONOMI DALAM PERKHIDMATAN PERLU  
YANG DIBENARKAN BEROPERASI SEPANJANG PERINTAH  
KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI PULAU PINANG, SELANGOR,  
WILAYAH PERSEKUTUAN (KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA,  
LABUAN), MELAKA, JOHOR DAN SABAH**

---

1. Pandemik COVID-19 yang menular sejak tahun 2019 telah memberi kesan kesihatan dan kelangsungan hidup bukan sahaja di Malaysia, tetapi di seluruh dunia. Berikutan penularan gelombang ketiga pandemik COVID-19, banyak negara-negara di seluruh dunia telah mengetatkan kawalan pergerakan mengikut perkembangan dan situasi semasa di negara masing-masing.
2. Kerajaan sentiasa bertanggungjawab dalam menangani penularan wabak COVID-19. Kerajaan akan meneruskan pendekatan proaktif dan responsif dengan memperhalusi semua nasihat pakar-pakar kesihatan awam untuk melaksanakan tindakan yang tegas dan efektif bagi memutuskan rantai penularan virus COVID-19. Pada masa yang sama, Kerajaan akan terus berusaha untuk memastikan kelangsungan aktiviti ekonomi dicapai bagi menjamin kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat.
3. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab ke atas pembangunan dan perkembangan aktiviti industri, perdagangan dan pelaburan negara sentiasa terbuka menerima pandangan yang dikemukakan oleh persatuan-persatuan industri dan dewan-dewan perniagaan. Pandangan industri adalah penting untuk membantu Kerajaan mencapai keseimbangan di antara perlindungan kesihatan dan keperluan menjana serta merangsangkan semula sektor ekonomi negara. Hasil daripada libat urus dan kerjasama dengan persatuan industri, dewan perniagaan dan lain-lain pihak berkepentingan, MITI telah merangka Prosedur Operasi Standard (SOP) yang komprehensif, relevan dan praktikal. SOP ini akan

membantu kelangsungan operasi serta pelan kesinambungan syarikat (*business continuity plan*) dan industri khususnya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 13 Januari 2021 sehingga 26 Januari 2021.

4. Keputusan Kerajaan membenarkan lima (5) sektor ekonomi perlu (*essential economic sectors*) termasuk pengilangan dan pembuatan untuk beroperasi adalah bagi menjamin proses pemulihan semula ekonomi negara, kemampanan perniagaan, mengelak kadar kehilangan pekerjaan yang tinggi di kalangan rakyat Malaysia dan memastikan rakyat terus mendapat akses keperluan asas dan kritikal sepanjang tempoh PKP. Enam (6) buah negeri yang dikenakan PKP merupakan pemacu aktiviti ekonomi utama negara dan penyumbang yang besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara iaitu 66.3 peratus daripada jumlah keseluruhan KDNK. Negeri Selangor menyumbang kepada KDNK negara sebanyak 24.2 peratus, Wilayah Persekutuan (16.9 peratus), Johor (9.4 peratus), Pulau Pinang (6.7 peratus), Sabah (6.0 peratus), dan Melaka (3.1 peratus).
  
5. Tindakan yang bertanggungjawab ini akan dapat memberi impak positif khususnya dalam usaha Kerajaan memastikan pertumbuhan ekonomi negara, pelaburan tempatan dan asing serta kelangsungan Perusahaan Kecil dan Sederhana. Di antara pertimbangan penting yang turut diambil kira oleh Kerajaan adalah keperluan untuk menjamin kestabilan aktiviti eksport negara memandangkan Malaysia merupakan salah satu negara utama dalam eko-sistem rantai bekalan global. Sektor-sektor ekonomi dalam perkhidmatan perlu yang dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP adalah seperti yang diperincikan di **Lampiran 1**. Lampiran ini merangkumi sektor pengilangan dan pembuatan di bawah kawal selia MITI serta sektor-sektor pembinaan, perkhidmatan, perdagangan dan pengedaran, serta perladangan dan komoditi di bawah bidang kuasa Kementerian dan Agensi lain. SOP bagi sektor pengilangan dan pembuatan yang di bawah tanggungjawab MITI boleh dimuat turun dari laman sesawang MITI di [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my).

6. Syarikat-syarikat yang telah berdaftar dengan pangkalan data MITI iaitu *COVID-19 Intelligent Management System (CIMS)* melalui pautan <https://notification.miti.gov.my> tidak perlu membuat pendaftaran semula untuk beroperasi dalam tempoh PKP. Syarikat-syarikat yang berkenaan hanya perlu memuat turun surat notifikasi pengesahan pendaftaran yang boleh dimuat turun mulai hari ini, 12 Januari 2021 bermula jam 3.00 petang.
7. Syarikat-syarikat sektor pengilangan dan pembuatan dalam perkhidmatan perlu yang belum berdaftar dengan CIMS boleh berbuat demikian di pautan <https://notification.miti.gov.my> mulai pukul 3.00 petang, 12 Januari 2021. Surat notifikasi pengesahan pendaftaran boleh dimuat turun oleh syarikat selepas pendaftaran.
8. Pendaftaran ini hanya terpakai untuk syarikat-syarikat dalam sektor pengilangan dan pembuatan di bawah seliaan MITI. Majikan bertanggungjawab untuk memuat turun surat notifikasi pengesahan pendaftaran untuk membolehkan pergerakan pekerja dalam tempoh PKP. Pekerja syarikat yang dibenarkan untuk berada di tempat kerja pada satu-satu masa adalah wajib membawa sesalinan surat notifikasi pengesahan pendaftaran yang dibekalkan oleh majikan bersama pas pekerja/surat pengesahan majikan. Ini bertujuan mempermudah pergerakan kenderaan komersial dan juga pergerakan pekerja antara kediaman dan tempat kerja. Pihak MITI telah memaklumkan kepada pihak PDRM berhubung perkara ini bagi memudahkan pergerakan di operasi sekatan jalan raya (SJR).
9. Selaras dengan objektif untuk mengekang penularan pandemik COVID-19, hanya 30 peratus pekerja dalam kumpulan pengurusan dibenarkan berada di pejabat. Manakala jumlah pekerja kumpulan sokongan dan pekerja-pekerja yang terlibat secara langsung dalam *production line* akan ditentukan oleh majikan masing-masing dengan mengambil kira pematuhan ketat SOP yang ditetapkan.

10. Bagi kerja-kerja yang tidak memerlukan kehadiran secara fizikal, arahan Bekerja Dari Rumah (BDR) akan berkuatkuasa. Kerajaan menyeru pihak industri dan swasta mempertingkatkan pelaksanaan BDR sebagai norma baharu selari dengan kecanggihan teknologi terkini dan aplikasi atas talian.
11. Kerajaan dan pihak swasta perlu berganding bahu untuk membendung dan memutuskan rantaian penularan jangkitan COVID-19 daripada menjadi lebih kritikal demi melindungi kesihatan dan keselamatan rakyat dan mempercepatkan proses pemulihan ekonomi.
12. MITI ingin menegaskan kewajipan dan kebertanggungjawaban pihak industri untuk mematuhi arahan PKP dan SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan. MITI dengan kerjasama Pihak Berkuasa Negeri akan menjalankan penguatkuasaan secara berkala di sepanjang tempoh PKP ke atas syarikat-syarikat untuk memastikan pematuhan SOP dan akan mengambil tindakan mengkompaun kesalahan selaras dengan Seksyen 25 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342). Majikan yang didapati melanggar dan tidak mematuhi SOP akan dikenakan tindakan undang-undang termasuk menutup premis berkenaan.
13. MITI juga telah menyediakan senarai soalan-soalan lazim (FAQ) untuk membantu pihak industri dalam mendapatkan maklumat terperinci dan tepat mengenai SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi membolehkan sektor-sektor pengilangan dan pembuatan untuk beroperasi dalam tempoh PKP.
14. Sebagai barisan hadapan ekonomi negara, MITI akan terus memastikan persekitaran dalam negara yang kondusif dan mesra-perniagaan bagi merencanakan aktiviti-aktiviti ekonomi beroperasi dengan lancar dan terus berkembang.

**DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI**  
**12 JANUARI 2021**

**CADANGAN SENARAI PERKHIDMATAN PERLU**

*(Sehingga 10 Januari 2021)*

**A. Pengilangan dan Pembuatan**

1. Aeroangkasa termasuk MRO;
2. Pengilangan dan Perkhidmatan Lepas Jualan Automotif;
3. Makanan, minuman dan rantaianya;
4. Pembungkusan dan percetakan;
5. Produk barangan rumah, barang penjagaan diri (FMCG - sabun, pembersih diri dan lain-lain) dan bahan pencuci termasuk rantaianya;
6. Penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet;
7. Peralatan perlindungan peribadi (PPE) dan peralatan keselamatan kebakaran;
8. Komponen untuk alat perubatan;
9. Elektrikal dan elektronik;
10. Minyak dan gas (*Oil and Gas*);
11. Petrokimia dan produk petrokimia;
12. Produk kimia;
13. Mesin dan peralatan;
14. Seramik (seramik sebagai acuan bagi pembuatan sarung tangan);
15. Besi dan keluli;

16. Tekstil (yang melibatkan pengeluaran PPE);
17. Sektor perabot; dan
18. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir.

## **B. Pembinaan**

19. Pembinaan:
  - i. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kritikal;
  - ii. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur awam yang utama; dan
  - iii. Kerja-kerja pembinaan bangunan yang menyediakan penginapan pekerja yang lengkap di tapak bina atau pekerja yang ditempatkan di Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ).

## **C. Perkhidmatan**

20. Perkhidmatan Kewangan dan rantaianya:
  - i. Institusi Kewangan (Perbankan, Insurans, Takaful dan entiti-entiti lain yang dilesen, dilulus atau didaftar oleh Bank Negara Malaysia); dan
  - ii. Entiti-entiti pasaran modal yang dilesen, didaftar atau dikawalselia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
21. Perkhidmatan perbandaran dan kerajaan tempatan:
  - i. Pajak gadai/kredit komuniti (syarikat peminjam wang berlesen);
  - ii. Pengurusan sisa pepejal/ pembedungan;
  - iii. Pembersihan awam; dan
  - iv. Pembersihan premis dan sanitasi.
22. Infstruktur telekomunikasi dan digital termasuk perkhidmatan ICT dan perkhidmatan perniagaan global (GBS);
23. E-Dagang dan rantaianya termasuk perkhidmatan e-marketplace, pembayaran digital dan pusat internet e-dagang setempat;

24. Hotel dan penginapan;
25. Sektor pertanian, perikanan dan penternakan termasuk perkhidmatan veterinar:
  - i. Pengurusan ladang/ sarang burung walit/ kuda/ loji pemprosesan haiwan/ rumah sembelihan/ ternakan/ kilang makanan haiwan ternakan/pembekal spt vaksin/pengurusan ternakan/kedai haiwan kesayangan (operasi pemindahan ternakan adalah pada waktu malam);
  - ii. Kawalan penyakit dan dikawalselia pengeluaran ternakan hidup, input ternakan dan produk berkaitan industri ternakan (termasuk eksport dan import); dan
  - iii. Pengurusan kesihatan, diagnosa penyakit dan rawatan haiwan.
26. Utiliti (air dan tenaga);
27. Perkhidmatan profesional (termasuk akauntan/ peguam/ auditor/ jurutera/ arkitek), saintifik (termasuk R&D) dan teknikal (termasuk penyenggaraan);
28. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (*Security Services*);
29. Keselamatan dan Pertahanan;
30. Pengangkutan melalui darat, air dan udara;
31. Perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang, termasuk pemungghaan dan pemindahan kargo, pemaliman, penyimpanan atau pemukalan komoditi.

#### **D. Perdagangan Penedaran**

32. Penggudangan dan Logistik;
33. Perkhidmatan/ Penjualan/ Penghantaran Makanan dan Minuman; dan
34. Peruncitan/ Penedaran/ Pemborongan.

**E. Perladangan dan Komoditi**

- 35. Pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaiannya; dan
- 36. Perladangan dan komoditi serta rantaiannya.

**F. Lain - Lain**

- 37. Apa-apa perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kesihatan selepas berunding dengan pihak berkuasa yang mengawal selia perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan itu.

**TAMAT**